



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|-----------|----------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 6 OCTOBER 2016 |

Dr Mahathir akui gagal yakinkan Seri Paduka

BH - 6/10/2016

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad, semalam mengakui gagal meyakinkan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, untuk mengambil sebarang tindakan berhubung 'Deklarasi Rakyat' beliau.

Katanya, tiada jawapan positif diperoleh berhubung deklarasi itu dalam pertemuan dengan baginda di Istana Anak Bukit, Alor Setar, Kedah pada bulan lalu.

Sehubungan itu, katanya, pihaknya sedang berusaha merayu dan sudah menghantar surat kepada Majlis Raja-Raja, Sultan serta Yang di-Pertua Negeri supaya perkara itu diambil perhatian.

"Kita akan tunggu keputusan Majlis Raja-Raja yang akan bersidang pada 11 Oktober ini. Saya tidak pasti sama ada ia akan dibincangkan dalam mesyuarat itu atau sebaliknya, tetapi saya yakin Majlis Raja-Raja tidak akan memandang ringan rayuan daripada rak-



Kita ada perbincangan yang panjang, kira-kira 1 jam 10 minit, dan baginda bertanya secara serius mengenai peruntukan undang-undang dan perkara seumpamanya, yang mana saya sudah menjelaskan kepadanya. Tetapi pada akhirnya, saya gagal yakinkan baginda yang baginda perlu bertindak"

Tun Dr Mahathir Mohamad,
Bekas Perdana Menteri

yat," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Enggan dedah

Bagaimanapun, Dr Mahathir enggan mendedahkan inti pati perbincangannya dengan Yang di-Pertuan Agong pada pertemuan kira-kira 1 jam 10 minit itu.

"Kita ada perbincangan yang panjang, kira-kira 1 jam 10 minit, dan baginda bertanya secara serius mengenai peruntukan undang-undang dan perkara seumpamanya, yang mana saya sudah menjelaskan kepadanya. Tetapi pada akhirnya, saya gagal yakinkan baginda yang baginda perlu bertindak," katanya.

Sebelum ini, Datuk Seri Najib Razak, dalam satu kenyataan, berkata Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, sudah menjelaskan kepada Dr Mahathir bahawa baginda tidak boleh mencampuri usaha yang dibuat Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).